



KAMPUS TETAP UniMAP BEROPERASI SECARA RASMI



Impian Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) untuk memiliki kampus tetap semakin menjadi kenyataan apabila dua pusat pengajiannya telah berpindah ke Kampus Alam di Ulu Pauh.

Dua pusat pengajian tersebut iaitu Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan telah siap sepenuhnya dan mula beroperasi pada 2 November 2009 lalu. Pembinaan yang bermula tahun 2007 itu siap sepenuhnya pada Ogos 2009 yang lalu.

Pemindahan dua pusat pengajian ini merupakan satu transformasi baru buat UniMAP dalam rangka melahirkan jurutera yang cemerlang dan mampu menembusi pasaran kerja masa kini serta selaras dengan hasrat kerajaan yang mahukan Malaysia mempunyai jurutera yang berdaya saing dan berinovatif.

Selain itu, dengan beroperasinya UniMAP di Kampus Alam ini secara tidak langsung telah merubah landskap pembangunan di Pauh dan kini kawasan tersebut telah berubah kepada satu kawasan yang semakin membangun dan semakin hari semakin bertambah populasi penduduknya.

Pada 28 Disember 2009 satu lagi detik bersejarah telah tercatat dalam diari UniMAP apabila para pelajar dari kedua-dua pusat pengajian berkenaan telah memulakan sesi pembelajaran mereka di kampus baru ini.

Menyedari akan kepentingan untuk menyediakan persekitaran belajar yang kondusif, pelbagai keperluan asas telah dibangunkan untuk kemudahan semua warganya, seperti kemudahan dewan kuliah, makmal, mini perpustakaan, surau, kafeteria di kedua-dua pusat pengajian berkenaan, kemudahan wifi dan tidak ketinggalan kampus ini turut menempatkan One Stop Center.

One Stop Center menempatkan staf dari Jabatan Pendaftar, Jabatan Pembangunan, Jabatan Keselamatan, Pusat Kesihatan, Jabatan Bendahari, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni bagi memudahkan pelajar dan staf bagi kedua-dua pusat pengajian ini berurusan.

Para pelajar juga tidak perlu khuatir mengenai pengangkutan mereka kerana perkhidmatan bas berjadual telah disediakan oleh pihak UniMAP dari kolej kediaman ke Kampus Alam dan dari Kampus Alam ke kolej kediaman.

Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin berharap, dengan beroperasinya dua pusat pengajian itu akan menjadikan UniMAP lebih efektif dan pelbagai kegiatan akan dilaksanakan di situ agar kampus ini dapat dimanfaatkan sebaiknya.

"Melalui kampus tetap ini, saya percaya usaha untuk menggalakkan pertumbuhan penuntut dalam bidang kejuruteraan bagi mencorakkan hala tuju pembangunan negara akan mudah dicapai,"katanya.

Beliau juga mengingatkan para pensyarah, para pentadbir dan juga para pelajar yang memulakan kehidupan baru mereka di Kampus Alam, agar sama-sama memberikan komitmen yang terbaik dalam membangunkan dan mempertahankan UniMAP sebagai sebuah IPTA yang unggul dan gagah di persada dunia.

